

# Di mana letaknya kepemimpinan manusia apabila mesin 'berfikir'?

• Apabila manusia tidak lagi memikul tanggungjawab sepenuhnya, pertimbangan nilai dan keadilan juga berisiko diketepikan

• Pakar teori politik, Hannah Arendt mengingatkan bahaya terbesar bukan pada niat jahat, tetapi pada kegagalan untuk berfikir mengenai tindakan sendiri

Oleh Dr Abdul Hafiz Ab Rahman  
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Program Antropologi dan Sosiologi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial & Persekitaran (SEEDS), Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

**Cuba** fikir sejenak, berapa banyak keputusan yang betul-betul kita buat sendiri, pagi tadi?

Aplikasi Waze tentukan laluan ke pejabat, algoritma Facebook pilih berita yang muncul di skrin sambil kita menghirup teh tarik dan sebelum jari sempat menaip mesej penuh, papan kekunci sudah meramalkan perkataan yang 'sesuai' untuk kita. Semua ini kita anggap kemudahan. Namun, tanpa disedari, satu demi satu keputusan dalam hidup sudah berpindah tangan daripada kita kepada sistem yang tidak memahami erti tanggungjawab.

Dahulu, ahli falsafah Perancis, Rene Descartes menegaskan: "Aku berfikir, maka aku wujud." Hari ini, yang berfikir bukan lagi kita tetapi mesin. Apabila manusia tidak lagi berfikir sendiri, apa yang hilang bukan sekadar kuasa

memilih, tetapi makna kepemimpinan itu sendiri.

Dalam kehidupan bermasyarakat, kepemimpinan tidak pernah terpisah daripada tanggungjawab. Setiap keputusan membawa kesan kepada manusia lain dan di situlah terletak nilai kepemimpinan itu sendiri. Namun, dalam dunia dipacu teknologi, semakin banyak keputusan diserahkan kepada sistem, sama ada secara sadar atau tidak.

Daripada cadangan kandungan di media sosial hingga analisis dalam pentadbiran, manusia semakin selesa bergantung kepada keputusan mesin. Apa yang pada awalnya sekadar alat bantu kini menjadi rujukan utama.

Apabila cadangan sistem diterima tanpa penilaian, tanggungjawab mula beralih secara senyap. Individu tidak lagi benar-benar membuat keputusan, tetapi sekadar mengikut apa yang dicadangkan.

Perubahan ini kelihatan kecil dalam rutin harian, tetapi kesannya besar. Apabila manusia tidak lagi memikul tanggungjawab sepenuhnya, pertimbangan nilai dan keadilan juga berisiko diketepikan.

Dalam jangka panjang, ini membentuk masyarakat yang bukan sahaja bergantung kepada sistem, tetapi juga semakin menjauh daripada keupayaan membuat pertimbangan sendiri, termasuk dalam perkara yang memberi kesan langsung kepada kehidupan mereka.

Tidak dapat dinafikan, AI mampu menghasilkan keputusan pantas dan tepat. Ini kerana ia memproses maklumat dalam jumlah besar dan mengenal pasti corak dengan kecekapan yang sukar ditandingi manusia.

Dalam banyak situasi, keupayaan ini memberikan kelebihan besar, khususnya dalam bidang memerlukan analisis data kompleks.

Namun, kehidupan manusia tidak ditentukan data semata-mata. Ada situasi memerlukan empati, ada keputusan menuntut kefahaman konteks dan ada keadaan yang tidak boleh diselesaikan hanya melalui logik.

Di sinilah batasan sebenar teknologi mula kelihatan, terutama apabila keputusan membabitkan manusia yang mempunyai latar belakang, pengalaman dan keadaan hidup berbeza.

Ahli sosiologi Jerman, Max Weber menjelaskan kecenderungan masyarakat moden ke arah rasionaliti instrumental, iaitu menilai sesuatu berdasarkan

kecekapan dan hasil semata-mata.

Dalam konteks hari ini, kecenderungan ini semakin jelas melalui penggunaan AI. Keputusan mungkin tepat dari sudut teknikal, tetapi tidak semestinya adil apabila nilai dan konteks sosial diketepikan. Kecekapan tidak boleh menjadi satu-satunya ukuran apabila keputusan membabitkan manusia kerana keadilan tidak boleh diukur hanya melalui angka dan pola.

Kesan yang lebih membimbangkan bukan sekadar kebergantungan kepada sistem, tetapi perubahan dalam cara manusia berfikir. Pakar teori politik sangat berpengaruh pada abad ke-20, Hannah Arendt mengingatkan bahaya terbesar bukan pada niat jahat, tetapi pada kegagalan untuk berfikir mengenai tindakan sendiri. Dalam konteks hari ini, kegagalan ini muncul dalam bentuk yang lebih halus.

Apabila keputusan daripada sistem diterima tanpa persoalan, proses menilai dan mempersoalkan semakin terhakis. Lama-kelamaan, manusia menjadi lebih pasif dalam membuat pengkajian. Keputusan diambil dengan cepat, tetapi tanpa pemahaman mendalam terhadap implikasinya, seolah-olah kelajuan lebih diutamakan daripada kebijaksanaan.

## Hakis asas moral buat keputusan

K keadaan ini bukan sahaja melemahkan keupayaan berfikir secara kritis, tetapi juga mengurangkan kepekaan terhadap kesan keputusan kepada orang lain. Apa yang kelihatan betul tidak semestinya adil. Apa yang kelihatan efisien tidak semestinya berperikemanusiaan. Dalam jangka panjang, ini boleh mengahkis asas moral dalam membuat keputusan.

Perubahan ini juga mengubah cara kuasa berfungsi dalam masyarakat. Ahli falsafah Perancis, Michel Foucault menekankan kuasa tidak semestinya terletak pada individu, tetapi pada sistem yang menentukan bagaimana pengetahuan dibentuk dan digunakan. Dalam era digital, kuasa ini semakin tersembunyi, tetapi semakin berpengaruh.

Dalam masyarakat hari ini, algoritma menentukan maklumat dilihat, pilihan tersedia dan akhirnya keputusan dibuat. Namun proses ini sering berlaku tanpa disedari pengguna. Apa yang dilihat seolah-olah pilihan bebas, sebenarnya sudah dibentuk lebih awal oleh sistem.

Apabila pilihan dibentuk tanpa kesedaran, kuasa menjadi semakin sukar dikenal pasti. Ia tidak lagi jelas siapa mengawal, tetapi kesannya tetap dirasakan dalam cara manusia berfikir, memilih dan bertindak.

Teknologi dalam keadaan ini bukan sekadar alat, tetapi menjadi sebahagian struktur sosial mempengaruhi arah masyarakat secara keseluruhan.

Apabila semakin banyak keputusan ditentukan sistem, persoalan utama bukan lagi sama ada mesin boleh memimpin, tetapi siapa sebenarnya memegang kuasa. Persoalan ini lebih penting kerana ia menyentuh asas kepada tanggungjawab dan akauntabiliti dalam masyarakat.

Mesin tidak mempunyai kesedaran, nilai atau tanggungjawab moral. Namun, apabila keputusannya diterima tanpa soal, ia mula berfungsi sebagai autoriti. Ini bukan berlaku secara mendadak, tetapi melalui proses beransur-ansur yang manusia sendiri menyerahkan peranan berkenaan kerana kemudahan dan kecekapan ditawarkan.

Dalam keadaan ini, kepemimpinan tidak lagi jelas dimiliki manusia. Ia tersebar dalam sistem beroperasi tanpa pertimbangan kemanusiaan. Apabila tiada pihak yang jelas bertanggungjawab, kesan keputusan menjadi lebih sukar dipersoalkan dan ini membuka ruang kepada ketidakadilan yang sukar dikesan.

Teknologi akan terus berkembang dan AI akan menjadi sebahagian kehidupan masa depan. Ia mampu membantu, memudahkan dan meningkatkan kecekapan dalam pelbagai aspek kehidupan. Namun, terdapat perkara tidak boleh digantikan mana-mana sistem.

Keupayaan memahami manusia dalam konteks sebenar, menimbang keputusan berasaskan nilai dan keadilan serta bertanggungjawab terhadap kesan keputusan adalah ciri yang kekal milik manusia. Tanpa elemen ini, keputusan mungkin efisien, tetapi kehilangan makna kemanusiaan.

Cabaran sebenar hari ini bukan untuk menolak teknologi, tetapi untuk menetapkan sempadannya. Manusia perlu kekal sebagai pihak membuat pertimbangan akhir, bukan sekadar menerima cadangan sistem tanpa soal. Pada masa sama, masyarakat perlu membina semula keupayaan berfikir secara kritikal agar tidak menjadi pasif dalam berhadapan dengan teknologi.

Jika kita terus menyerahkan pertimbangan kepada sistem tanpa soal, akhirnya bukan mesin mengambil alih kepimpinan, tetapi manusia sendiri yang melepaskannya.



